

Tuesday, March 8, 2022

## Sarawak Biodiversity Centre pacu industri bio

*By @news*

March 8, 2022



**PADAWAN:** Sarawak Biodiversity Centre (SBC) yang ditubuhkan sejak tahun 1998 oleh kerajaan negeri Sarawak berpotensi dapat memacu pertumbuhan Industri Bio di negeri ini.

Menurut Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Datuk Roland Sagah Wee Inn berkata, pengkomersilan perindustrian dan peningkatan produk berasaskan bio ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan tumbuh-tumbuhan asli di Sarawak.

“Segala penemuan dan hasil kajian yang kita lakukan adalah untuk kebaikan seperti dari sudut pengeluaran pemakanan, perubatan malah untuk tujuan penjagaan kesihatan tubuh badan yang kini diamalkan dan telah menjadi trend di seluruh dunia,” kata beliau semasa berucap pada Lawatan Rasmi ke Sarawak Biodiversity Centre, Jalan Borneo Heights, Semenggoh, Kuching pada Isnin.

Semasa lawatan tersebut, Roland dan para delegasi telah diberikan taklimat berkenaan penyelidikan ke atas tumbuh-tumbuhan yang berpotensi membangunkan produk berasaskan bio, komersial serta penemuan ubat-ubatan.

Kata beliau lagi, kefahaman yang lebih mendalam terhadap kegunaan tumbuh-tumbuhan di negeri ini haruslah sentiasa dikaji kerana manfaat yang diperoleh hasil daripada

penyelidikan yang dilakukan boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi disamping menjana pendapatan pengusaha pengeluaran produk berasaskan bio.

“Apa juar perancangan yang kita buat bersama para pengkaji haruslah diperhati dengan teliti, kerana kita tidak mahu kajian yang kita lakukan terdedah begitu sahaja, oleh kerana bukan mudah untuk kita menghasilkan produk berasaskan bio dan perkara ini amat penting bagi kita dalam memacu semula ekonomi negeri,” ujar beliau.

Turut mengiringi beliau pada program lawatan tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan dan Pembangunan Bakat II (Pembangunan Bakat), Datuk Francis Harden Hollis dan delegasi yang terdiri daripada pegawai Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD).

Tambahan pula, komuniti Projek LitSara® dan AdenoSara® turut hadir mengambil bahagian untuk berkongsi pengalaman dan impak sosial projek penghasilan produk mereka terhadap mata pencarian, kemahiran dan pengetahuan.

Bagi memperingati kunjungan beliau, Roland menyempurnakan acara simbolik penanaman anak pokok Kapur atau ‘Dryobalanops Beccarii’ di perkarangan pusat berkenaan.